



**PERTEMUAN:** Amarjit Singh (enam kanan) bersama kumpulan alumni negara Timor-Leste di Hotel Esplanada, Dili.

# Pusat Alumni UMS anjur program pertemuan santai bersama alumni Timor-Leste

**UB 14.02.2024 P.06**

## KOTA KINABALU:

Bagi memupuk hubungan berkekalan antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama alumni luar negara, Pusat Alumni UMS mengadakan sesi perjumpaan santai bersama alumni negara Timor-Leste di Dili, baru-baru ini.

Perjumpaan berjaya menghimpunkan graduan dari pelbagai tahun pengajian sejak UMS menerima pelajar kumpulan pertama dari Timor-Leste pada 2015.

Pengarah Pusat Alumni UMS, Dr. Arif Kamisan Pusiran, berkata acara perjumpaan itu berperanan se-

bagai platform untuk mengemas kini data para alumni dalam sistem universiti.

"Perjumpaan ini juga peluang untuk alumni menjalin hubungan bersama komuniti universiti menjelang sambutan ulang tahun penubuhan UMS ke-30 tahun ini."

"Pada perjumpaan itu, seramai 30 alumni UMS di Timor-Leste hadir memeriahkan program ini yang berlangsung di Hotel Esplanada.

"Bagi kebanyakan alumni yang hadir, program ini merupakan pertemuan pertama mereka dengan alma mater selepas menamatkan pengajian," katanya.

UMS menerima 15 pelajar kumpulan pertama dari Timor-Leste pada 2015 yang mengikuti program Diploma Minyak dan Gas melalui Fakulti Kejuruteran.

Acara perjumpaan itu turut dihadiri Duta Malaysia ke Timor-Leste, Amarjit Singh Sarjit Singh; Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) Pusat Pengajian Pascasiswazah, Profesor Madya Dr. Asmahani Awang, Timbalan Pengarah Pusat Luar UMS (Kewangan), Zallifah Shadan dan Ketua Pentadbiran Pusat Alumni UMS, Syed Mahyuddin Syed Satri.